



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI BULAN APRIL 2024

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi bulan April 2024. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas hampir 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar daripada sebelas sektor ekonomi, dari semua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi di dalam negara.
3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

4. Terdapat sembilan sub-indeks di dalam BSI. Indeks utama BSI, iaitu **Sub-indeks Keadaan Perniagaan** adalah 49.9 bagi bulan April 2024. Secara amnya, ini menunjukkan perniagaan di sektor swasta menjangka keadaan perniagaan yang sedikit merosot berbanding dengan bulan sebelumnya. Hasil kaji selidik menunjukkan perbezaan pendapat mengikut sektor. Sesetengah perniagaan mengongsikan sentimen optimistik dengan jangkaan promosi Hari Raya Aidilfitri dan kembalinya waktu bekerja seperti biasa selepas bulan Ramadhan akan meningkatkan aktiviti perniagaan pada bulan April 2024. Walau bagaimanapun, sebahagian perniagaan mengongsikan kebimbangan mengenai kekurangan projek-projek dan kelembapan permintaan pengguna disebabkan oleh jangkaan kesibukan menghadiri acara-acara sambutan Hari Raya Aidilfitri atau melancang ke luar negara semasa musim percutian sekolah. Terdapat juga beberapa perniagaan yang merancang untuk membenarkan para kakitangan untuk mengambil cuti tambahan sempena sambutan lebaran. Indeks bagi satu bulan (1M) ke hadapan berada pada tahap 50.2, menunjukkan aktiviti perniagaan dijangka akan bertambah baik pada bulan Mei 2024.

dengan bulan bekerja yang lebih panjang berbanding dengan bulan April 2024 serta jangkaan projek-projek baru.

5. **Sub-indeks Pelaburan** adalah 50.1 bagi bulan April 2024, 50.3 untuk satu bulan ke hadapan, dan 50.2 bagi tiga bulan ke hadapan. Ini menunjukkan secara amnya, para peniaga merancang untuk meningkatkan tahap pelaburan pada bulan April dan beberapa bulan akan datang. Kebanyakan perniagaan merancang pelaburan dari pelbagai aspek termasuk pembelian kenderaan, peralatan, dan mesin baharu sebagai persiapan projek-projek akan datang dan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran, pengembangan dan pengubahsuaian premis perniagaan, pembukaan cawangan baharu, menaik taraf sistem dan infrastruktur IT untuk meningkatkan keselamatan, dan penambahan stok dan inventori dengan jangkaan penjualan yang lebih baik. Memandang ke hadapan, perniagaan menjangka akan meningkatkan tahap pelaburan selaras dengan perancangan pengembangan perniagaan dan juga projek-projek semasa dan akan datang.
6. **Sub-indeks Pengambilan Pekerja** adalah 50.1 bagi bulan April 2024 dan 50.2 bagi satu bulan ke hadapan. Meneruskan tren dari bulan-bulan sebelumnya, perniagaan secara amnya akan menambah jumlah pekerja untuk mengganti pekerja yang telah meletakkan jawatan dan juga untuk memastikan bekalan tenaga kerja adalah mencukupi, selaras dengan rancangan pengembangan perniagaan dan projek-projek akan datang.
7. **Sub-indeks Kos Perniagaan** adalah 50.3 bagi bulan April 2024 dan 50.2 bagi satu bulan ke hadapan. Secara amnya, para peniaga menjangka peningkatan kos perniagaan pada bulan April dan Mei 2024. Seperti bulan Mac 2024, peningkatan kos pada bulan April 2024 adalah disebabkan oleh perbelanjaan gaji yang lebih tinggi dengan penambahan tenaga kerja dan bayaran lebih masa. Terdapat juga sebahagian perniagaan yang merancang pembayaran bonus pada bulan April 2024. Sementara itu, beberapa perniagaan juga mengongsikan kebimbangan tentang kenaikan harga minyak dan peningkatan nilai dolar Amerika Syarikat yang boleh menyebabkan kos logistik dan bahan-bahan yang lebih tinggi. Bagi bulan hadapan, perniagaan secara amnya menjangka kos operasi akan meningkat disebabkan oleh penambahan jumlah pekerja.

BSI April 2024	
Keadaan Perniagaan	49.9
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.2
Pelaburan	50.1
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.2
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.3
Pengambilan Pekerja	50.1
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	50.2
Kos Perniagaan Bulan Ini	50.3
Kos Satu Bulan ke Hadapan	50.2

8. Dari segi **sektor ekonomi**, tujuh daripada sebelas sektor mencatatkan sentimen optimistik pada bulan April 2024. Sektor Hotel & Restoran mencatatkan sentimen optimistik yang tertinggi dengan indeks 50.5 disebabkan oleh promosi-promosi dan peningkatan permintaan perkhidmatan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri. Sektor Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Penternakan juga menjangka jualan yang lebih

baik didorong oleh peningkatan pengeluaran dan permintaan yang lebih tinggi semasa musim perayaan. Sektor Pembinaan juga memberi pandangan optimistik dengan jangkaan projek-projek baharu. Sektor Perkhidmataan Lain dan sektor Kewangan & Insurans juga menjangka prestasi perniagaan yang lebih baik berbanding dengan bulan Mac 2024. Sektor Harta Tanah & Pemilikan Kediaman dan sektor Kesihatan & Pendidikan menjangka sedikit penambahbaikan dalam keadaan perniagaan dengan jangkaan permintaan perkhidmatan akan meningkat pada bulan April 2024. Sebaliknya, dua sektor menunjukkan sentimen pesimistik bagi bulan April 2024. Secara amnya, perniagaan dalam sektor Pembuatan mengongsikan jangkaan aktiviti perniagaan akan lebih lembap dengan penurunan jumlah pesanan dan kekurangan projek-projek semasa bulan Ramadhan dan Syawal, manakala sektor Minyak & Gas dan yang Berkaitan pula menjangka penurunan dalam jualan disebabkan oleh keadaan pasaran yang kurang memuaskan. Sementara itu, sektor Pengangkutan & Komunikasi dan sektor Perdagangan Borong & Runcit melaporkan keadaan perniagaan yang hampir sama seperti bulan Mac 2024.

Keadaan Perniagaan April 2024 Mengikut Sektor	
Hotel & Restoran	50.5
Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	50.3
Perkhidmatan Lain	50.2
Kewangan & Insurans	50.2
Pembinaan	50.1
Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	50.1
Kesihatan & Pendidikan	50.1
Pengangkutan & Komunikasi	50.0
Perdagangan Borong & Runcit	50.0
Pembuatan	49.7
Minyak & Gas dan yang Berkaitan	49.7

9. Dari segi indeks mengikut **saiz perniagaan**, perniagaan bersaiz sederhana secara amnya mengongsikan sentimen yang sedikit optimistik bagi bulan April 2024 berbanding dengan bulan sebelumnya. Ini berkaitan dengan jangkaan peningkatan aktiviti perniagaan selepas berakhirnya bulan Ramadhan pada pertengahan April. Perniagaan bersaiz besar menjangka keadaan perniagaan akan merosot berbanding bulan Mac 2024 dengan penurunan jualan dan aktiviti perniagaan semasa bulan puasa dan Hari Raya Aidilfitri. Sementara itu, perniagaan bersaiz mikro dan kecil menjangka keadaan perniagaan yang lebih kurang sama pada bulan April 2024 berbanding dengan bulan sebelumnya.

Keadaan Perniagaan April 2024 Mengikut Saiz	
Mikro	50.0
Kecil	50.0
Sederhana	50.1
Besar	49.8

10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak bulan Ogos 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di www.bdcb.gov.bn. Orang ramai juga boleh

mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.


Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 21 Zulkaedah 1445H / 30 Mei 2024M

Ruj: BDCB/COMMS/3


LAMPIRAN 1

Keadaan Perniagaan



Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.


Pelaburan



Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Kadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.


Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.

Pengambilan Pekerja



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama/tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.

Kos



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos. Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga April 2024



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.